

**Parlimen: Program 1AZAM: 3,500 Usahawan Wanita Raih Pendapatan RM3,500
Sebulan
Bernama
11 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Sebanyak 3,500 usahawan wanita memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM3,500 sebulan selama tiga bulan berturut-turut, menerusi Program 1AZAM sejak pelancarannya pada 2010 sehingga 31 Ogos lalu.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Heng Seai Kie berkata ini jelas membuktikan program itu memberi impak positif bagi memastikan golongan wanita di negara ini mempunyai pendapatan tetap yang tinggi.

"Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) menyasarkan 4,000 usahawan mendapat pendapatan RM3,500 sebulan sehingga 31 Dis tahun ini, tetapi kerajaan yakin angka itu mampu dicapai dan berkemungkinan melebihi sasaran," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Kamarul Baharin Abbas (PKR-Telok Kemang) di Dewan Rakyat pada Khamis.

Selain itu, Heng memaklumkan keberkesanan program 1AZAM dapat dilihat apabila 21,724 pesertanya meraih pendapatan tambahan lebih RM200 sebulan sehingga April tahun ini.

Daripada jumlah itu, 7,147 mempunyai julat pendapatan dari RM200 hingga RM1,000 sebulan manakala 14,577 yang lain pula mempunyai pendapatan lebih RM1,000 sebulan, katanya.

Program 1AZAM (Akhiri Zaman Miskin) bermatlamat meningkatkan ekonomi golongan berpendapatan rendah termasuk membantu mereka memulakan perniagaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701195>